

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2015

RUJUKAN : 8315

SOALAN:

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah kumpulan yang terlibat untuk
menjatuhkan Kerajaan berdasarkan siasatan yang dijalankan oleh
PDRM.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius terhadap mana-mana pihak yang berkonspirasi untuk menjatuhkan Kerajaan yang sah dipilih oleh rakyat dengan cara yang tidak demokratik dan melanggar undang-undang negara sama ada mempunyai kaitan dengan isu semasa atau pun tidak. Kerajaan juga sedar bahawa usaha tidak sah untuk menjatuhkan Kerajaan ini akan turut menjejaskan ekonomi negara.

Oleh yang demikian, sekiranya terdapat sebarang bukti terhadap komplot tersebut, pihak Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat dengan menggunakan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Akta Hasutan 1948.